

Kekasih suami orang

Gadis terlanjur tidak tahu sama ada mahu terus terang dengan calon pilihan ibu

Soalan

SAYA berusia 20-an dan mempunyai teman lelaki yang sudah berumah tangga. Usia perkenalan kami sudah hampir tiga tahun.

Sudah banyak kali saya mengajaknya berkahwin, tetapi dia sentiasa memberi alasan dengan mengatakan belum sampai masanya untuk kami berkahwin. Sementara itu, ibu bapa saya pula sedang mencarikan jodoh untuk saya.

Masalah saya sekarang ialah saya pernah terlanjur dengan teman lelaki. Saya kini buntu untuk memilih sama ada perlu berterus terang dengan jodoh pilihan keluarga berkaitan keterlanjuran saya dengan teman lelaki atau hanya mendiamkan diri.

GADIS DILEMA
Negeri Sembilan

Jawapan

SEBORANG lelaki yang mengambil usia tiga tahun perkenalan, tetapi masih men-

yatakan belum tiba masanya berkahwin ternyata tidak serius dalam perhubungan itu.

Daripada tingkah laku dan perbuatan teman lelaki, jelas dia bukan seorang yang bertanggungjawab dalam hubungan ini.

Wanita yang sudah terlanjur sering menghadapi dilema seperti apa yang dialami adik. Perasaan takut suami akan mengetahui keterlanjuran masa silam sering menghantui fikiran.

Dr memahami konflik adik. Bukantah sesuatu yang mudah bagi seorang wanita mengakui dosa dan noda diri kepada bakal suaminya. Ibarat ditelan mati emak, diluahkan mati bapa. Sama ada memberitahu atau tidak keterlanjuran adik, keduanya punya kesan.

Sekiranya adik ingin bersikap jujur kepada bakal suami, persiapan emosi adalah sangat dituntut untuk menerima apa saja kemungkinan yang akan berlaku. Keseriusan di pihak adik untuk memasuki satu kehidupan baru dengan bakal jodoh juga



diperlukan.

Ini menuntut adik untuk melupai kekasih, menyesali perbuatan silam dan tidak akan mengulangi perbuatan terlanjur itu.

Kesungguhan adik dalam menjalani kehidupan baru boleh meyakinkan bakal jodoh bahawa kini dunia adik

adalah untuknya dan dia kini satu-satunya lelaki bertakhta di hati adik.

Bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan bahawa bakal jodoh akan menerima pengakuan keterlanjuran adik dengan kekasih.

Ada lelaki yang tidak sanggup untuk menerima wanita

yang tidak suci kerana menganggap bahawa wanita tidak suci tidak sesuai dijadikan isteri.

Namun, ramai juga lelaki yang bersifat pemaaf dengan melihat apa yang berlaku di masa lalu sebagai satu kesilapan. Adik perlu berbincang dengan ibu mengenai

perkara ini. Ini penting kerana ibu yang mencari jodoh untuk adik.

Jika adik tidak memberitahu perkara sebenar kepada bakal suami di peringkat awal dan dia mengetahui mengenai keterlanjuran adik satu hari nanti, dia akan merasa adik menipunya. Keharmonian rumah tangga boleh terjejas kerana perkara ini.

Di samping itu, adik perlu bersiap sedia atas segala kemungkinan nanti. Apa pun tindakan yang akan adik lakukan, ada kesannya. Yang penting ialah kekuatan dan ketahanan emosi adik menerima apa jua kemungkinan kesan daripada keterlanjuran adik.

Jika selepas adik membuat pengakuan dan tidak diterima oleh bakal suami, jodoh adik bukan dengannya.

Selain itu, jika adik benar-benar menginsafi perbuatan adik, Dr doakan satu hari nanti ada lelaki yang mencintai adik seadanya dan sanggup memaafkan kesilapan serta membimbing adik menjadi wanita solehah.

Pelajar kursus kaunseling serba salah

Soalan

SAYA pelajar kaunseling semester lima Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Saya sering tertanya-tanya ke mana saya harus melihat ketika menjalankan sesi kaunseling dengan wanita, pelajar perempuan dan rakan perempuan.

Ini kerana apabila berborak atau mengadakan sesi perbincangan, pelajar perempuan selalu menegur saya supaya jangan melihat mata mereka. Saya agak keliru malah setiap kali berbual dengan pelajar perempuan, persoalan ini akan timbul. Saya berharap Dr boleh membantu saya dengan memberikan cara penyelesaian mengenai hal ini.

JEJAKA KELIRU,
Tanjung Malim

Jawapan

DALAM sesi kaunseling, pandangan mata iaitu hubungan mata antara kaunselor dengan pesakit dilihat antara elemen penting dalam membina hubungan terapeutik atau kondusif.

Pandangan mata menunjukkan bahawa kaunselor memberi tumpuan dan minat kepada apa yang diperkatakan pesakit.

Jangka masa pandangan mata dilakukan bergantung kepada keselesaan kaunselor atau pesakit. Pada kebiasaannya, kaunselor bijak dalam menjangka tempoh masa pandangan mata ini.

Kaunselor akan cepat-cepat mengalihkan pandangan mata apabila melihat pesakit berasa tidak selesa atau gelisah ketika pandangan mata berlaku.

Bagaimanapun, ada



ketikanya, pesakit terutama yang berlainan jantina dengan kaunselor tidak selesa dengan hubungan pandangan mata ini.

Dari mata jatuh ke hati. Ada yang merasakan panahan anak mata boleh menyusuk kalbu hati. Panahan

anak mata boleh memuatkan hubungan emosi.

Peranan budaya dan agama memberi kesan kepada beberapa elemen dalam hubungan kaunseling termasuk dalam membina hubungan pandangan mata.

Dr gembira adik cuba

aplikasikan apa yang dipelajari dalam subjek kaunseling. Namun, adakalanya, apa yang adik pelajari itu kurang sesuai dipraktikkan disebabkan faktor tertentu.

Dalam budaya Melayu, ada individu yang kurang selesa, apabila berbual, hubungan mata dengan mata berlaku. Malah, ada yang melihat tingkah laku ini sebagai tingkah laku yang kurang sopan.

Justeru, tidak hairan jika ada pelajar perempuan yang menegur adik supaya jangan melihat mata mereka apabila berbual. Sama ada mereka takut akan berlaku jalinan emosi, tidak selesa atau sebagai imana sikap kurang ajar, bergantung kepada mereka.

Apa yang penting dalam sesi kaunseling ialah penyelesaian pesakit. Adik boleh bertanya kepada

pesakit sama ada mereka selesa atau tidak jika pandangan mata dilakukan. Jika pesakit tidak selesa, kebijaksanaan adik dalam membuat pesakit selesa adalah penting.

Perkara sama juga berlaku dalam perbualan. Gerak hati adik penting untuk melihat sama ada pandangan mata diperlukan atau tidak.

Adik boleh memandangi muka tanpa membuat hubungan mata. Lakukannya secara semula jadi. Selain itu, adik boleh tunjukkan minat dalam perbualan dengan lawan perempuan melalui lontongan minimum seperti mengiyakan kata-kata, membuat farafraza ataupun bertanya soalan.

Dr doakan adik akan menjadi kaunselor yang baik dan dapat membantu individu dalam menangani persoalan hidup.